

D.R. 29/2012

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

- 1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012.
(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

- 2.** Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—
 - (a) dengan memasukkan selepas takrif “barang” takrif yang berikut:
‘“basikal elektrik” ertinya sikal dengan bantuan kayuh yang dilengkapi dengan motor elektrik sokongan yang mempunyai kuasa berkadar berterusan yang maksimum 0.25 kW, dengan outputnya berkurangan secara beransur-ansur dan akhirnya terhenti apabila

kenderaan mencapai kelajuan 25 km/j atau sebelumnya jika penunggang sikal berhenti mengayuh;’;

- (b) dalam teks bahasa Inggeris dalam takrif “electronic motor vehicle”, dengan menggantikan perkataan “electronic” dengan perkataan “electric”; dan
- (c) dalam takrif “lalu lintas”, dengan memasukkan selepas perkataan “basikal,” perkataan “basikal elektrik.”.

Pindaan seksyen 5

3. Subseksyen 5(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “tiga ribu” perkataan “lima ratus”;
- (b) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan “melebihi tiga ribu” dengan perkataan “tidak melebihi tiga ribu lima ratus”; dan
- (c) dalam perenggan (f), dengan memasukkan selepas perkataan “tiga ribu” perkataan “lima ratus”.

Pindaan seksyen 14

4. Subseksyen 14(4) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “boleh didenda” perkataan “tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan”.

Pindaan seksyen 15

5. Subseksyen 15(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi” dengan perkataan “tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada”.

Pindaan seksyen 17

6. Subseksyen 17(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (bb) perenggan yang berikut:

- “(bc) berhubung dengan suatu kelas atau kategori kenderaan motor yang dikehendaki menjalani pemeriksaan berkala

di bawah Bahagian IIA, perakuan pemeriksaan yang dikeluarkan di bawah seksyen 66c dikemukakan;”.

Pindaan seksyen 26

7. Subseksyen 26(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi satu ribu” dengan perkataan “tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu”.

Pindaan seksyen 35

8. Subseksyen 35(8) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 119” dengan perkataan “seksyen 53, 53A, 115A atau 119, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika prosiding jenayah telah dimulakan bagi kesalahan itu”.

Pindaan seksyen 35A

9. Subseksyen 35A(6) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 119” dengan perkataan “seksyen 53, 53A, 115A atau 119, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika prosiding jenayah telah dimulakan bagi kesalahan itu”.

Pindaan seksyen 40

10. Subseksyen 40(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi satu ribu” dengan perkataan “tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu”.

Pindaan seksyen 53A

11. Seksyen 53A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “serta-merta” dengan perkataan “seberapa segera yang semunasabahnya praktik”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah—

(a) mengandungi butir-butir yang berikut:

- (i) tarikh, masa dan tempat kesalahan dilakukan;
- (ii) kesalahan yang dilakukan;
- (iii) imej yang dirakamkan mengenai plat nombor pendaftaran kenderaan itu;
- (iv) imej yang dirakamkan mengenai kenderaan motor itu; dan
- (v) tawaran untuk mengkompaun ataupun permintaan supaya hadir di mahkamah; dan

(b) ditandatangani secara digital oleh pihak yang mengeluarkan notis.”.

Pindaan seksyen 54

12. Seksyen 54 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “sikal kayuh” perkataan “dan basikal elektrik”; dan
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “basikal” perkataan “, basikal elektrik”.

Pindaan seksyen 56

13. Seksyen 56 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Suatu lesen vokasional yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh yang dinyatakan dalam lesen vokasional itu

melainkan jika lesen vokasional itu terlebih dahulu dibatalkan di bawah subseksyen (4) atau (4A).”;

- (b) dalam perenggan (4)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “apa-apa penyakit” perkataan “, kelakuan yang ditetapkan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Tanpa menjelaskan subseksyen (4), suatu lesen vokasional yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini hendaklah—

- (a) digantung jika lesen memandu yang dikeluarkan di bawah seksyen 27 digantung di bawah seksyen 32, 35 atau 36;
- (b) dibatalkan jika lesen memandu yang dikeluarkan di bawah seksyen 27 dibatalkan di bawah seksyen 35.”.

Pindaan seksyen 59

14. Subseksyen 59(9) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi dua ribu” dengan perkataan “tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu”.

Pindaan seksyen 66A

15. Subseksyen 66A(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi lima ribu” dengan perkataan “tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu”.

Seksyen baru 76A

16. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 76 seksyen yang berikut:

“Belok kiri dibenarkan

76A. (1) Walau apa pun isyarat merah atau isyarat lalu lintas lain yang menunjukkan tempat di mana lalu lintas mesti berhenti di mana-mana simpang lalu lintas, mana-mana

orang yang memandu sesuatu kenderaan motor di jalan boleh membekok ke kiri di simpang lalu lintas itu mengikut mana-mana isyarat lalu lintas yang membenarkan belok kiri yang telah diletakkan dengan sah di sisi undang-undang di jalan itu setelah berhenti sebelum garisan berhenti yang ditandakan di atas jalan untuk memastikan bahawa adalah selamat untuk berbuat demikian.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya, membuat kaedah-kaedah yang berhubungan dengan pergerakan kenderaan motor dan pejalan kaki dan pendirian isyarat lalu lintas di simpang lalu lintas yang belok kiri dibenarkan.

(3) Suatu pihak berkuasa yang berkenaan boleh, dengan kelulusan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya berhubung dengan suatu jalan Persekutuan dan jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan, dan dalam mana-mana hal selepas berunding dengan Ketua Pegawai Polis, mengadakan apa-apa isyarat lalu lintas yang didapatinya patut, dan hendaklah menjalankan apa-apa kerja (termasuk meletakkan, mendirikan dan menyenggarakan isyarat lalu lintas) yang dikehendaki berkaitan dengan simpang lalu lintas yang belok kiri dibenarkan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini berhubung dengan belok kiri dibenarkan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu ringgit.”.

Pindaan seksyen 79

17. Seksyen 79 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “neglet” dengan perkataan “neglect”;
- (b) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “pegawai polis berpakaian seragam” perkataan “, seseorang pegawai pengangkutan jalan berpakaian seragam”;

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “oleh pegawai polis” perkataan “, pegawai pengangkutan jalan”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi lima ratus” dengan perkataan “tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu”; dan
- (c) dalam subseksyen (2)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen (1)” perkataan “dan seksyen 76A”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi lima ratus” dengan perkataan “tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu”.

Pindaan seksyen 88

18. Subseksyen 88(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (d), dengan memasukkan selepas perkataan “basikal,” perkataan “basikal elektrik,”; dan
- (b) dalam perenggan (p), dengan memasukkan selepas perkataan “basikal berkayuh,” perkataan “basikal elektrik,”.

Pindaan seksyen 112

19. Subseksyen 112(3) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “basikal” perkataan “, basikal elektrik”.

Pindaan seksyen 115A

20. Subseksyen 115A(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “serta-merta” dengan perkataan “seberapa segera yang semunasabahnya praktik”.

Pindaan seksyen 118

21. Seksyen 118 Akta ibu dipinda dalam nota bahu dengan memotong perkataan “dan tandatangan”.

Pindaan Jadual Kedua

22. Jadual Kedua kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (iii) dengan perenggan yang berikut:

- “(iii) Tertakluk kepada seksyen 76A, tidak mematuhi isyarat merah pada isyarat lalu lintas”.
-

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 (“Akta 333”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 333 untuk memasukkan takrif baru “basikal elektrik” dan untuk meminda takrif sedia ada tertentu yang digunakan dalam Akta 333.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 5(1) Akta 333 untuk menambah berat tanpa muatan bagi kenderaan orang cacat, motokar berat dan motokar masing-masing.
5. *Fasal 4* dan *5* bertujuan untuk meminda masing-masing subseksyen 14(4) dan 15(4) Akta 333 untuk mengadakan peruntukan bagi denda minimum sebanyak tiga ratus ringgit bagi kesalahan di bawah seksyen itu.
6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 17(1) Akta 333 untuk memberi Pengarah kuasa untuk enggan memberi lesen kenderaan motor berhubung dengan suatu kelas atau kategori kenderaan motor yang dikehendaki menjalani pemeriksaan berkala di bawah Akta 333 jika perakuan pemeriksaan yang dikeluarkan di bawah seksyen 66c Akta 333 tidak dikemukakan.
7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 26(2) Akta 333 untuk mengadakan peruntukan bagi denda minimum sebanyak tiga ratus ringgit dan untuk menaikkan denda maksimum kepada dua ribu ringgit bagi kesalahan di bawah seksyen itu.
8. *Fasal 8* dan *9* bertujuan untuk meminda masing-masing subseksyen 35(8) dan 35A(6) Akta 333 untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang tidak menyelesaikan penalti yang ditetapkan bagi kesalahan yang berkaitan dalam tempoh tiga bulan daripada pengeluaran notis di bawah seksyen 53, 53A, 115A atau 119, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah disifatkan telah melakukan kesalahan tersebut melainkan jika prosiding jenayah telah dimulakan bagi kesalahan itu.

9. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 40(1) Akta 333 untuk mengadakan peruntukan bagi denda minimum sebanyak tiga ratus ringgit dan untuk menaikkan denda maksimum kepada dua ribu ringgit bagi kesalahan di bawah seksyen itu.
10. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 53A Akta 333 untuk membolehkan notis di bawah seksyen itu disampaikan dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktik dan untuk menjelaskan kandungan notis sedemikian.
11. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 54 Akta 333 untuk melanjutkan peruntukan berhubung dengan kesalahan memandu tertentu bagi basikal elektrik.
12. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 56 Akta 333 untuk menjelaskan tempoh sah lesen vokasional. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memberi Pengarah kuasa untuk menggantung dan membatalkan lesen vokasional jika lesen memandu yang dikeluarkan di bawah seksyen 27 Akta 333 digantung atau dibatalkan di bawah seksyen 32, 35 atau 36 Akta 333.
13. *Fasal 14* dan *15* bertujuan untuk meminda masing-masing subseksyen 59(9) dan 66A(2) Akta 333 untuk mengadakan peruntukan bagi denda minimum sebanyak tiga ratus ringgit bagi kesalahan di bawah seksyen itu.
14. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 76A ke dalam Akta 333 untuk mengadakan peruntukan bagi belok kiri dibenarkan.
15. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda masing-masing subseksyen 79(1) dan 79(2) Akta 333 untuk memberi pegawai pengangkutan jalan kuasa untuk mengawal selia lalu lintas selain daripada pegawai polis dan warden trafik. *Fasal* ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi denda minimum sebanyak tiga ratus ringgit dan untuk menaikkan denda maksimum kepada dua ribu ringgit bagi kesalahan di bawah seksyen itu.
16. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda perenggan 88(1)(d) dan (p) Akta 333 untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat kaedah-kaedah yang berhubungan dengan basikal elektrik.
17. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda subseksyen 112(3) Akta 333 untuk memberi pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan dan warden trafik kuasa untuk menahan basikal elektrik jika suatu kesalahan dilakukan dalam pandangannya.
18. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda subseksyen 115A(1) Akta 333 untuk membolehkan notis di bawah seksyen itu disampaikan dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktik.
19. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda Jadual Kedua kepada Akta 333 berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 76A ke dalam Akta 333.
20. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2867]